

Property Management in Islam: The Gift (Hibah) Perspective in *Al-Umm* Written By Imam Al-Syafi'i

NOOR SYAHIDA ABDUL RAHMAN
HASLIZA BINTI TALIB
NUR ZULFAH BINTI MD ABDUL SALAM
NURHAYATI ABD GHANI
NURUL SYAFINI ABD RAHMAN
DR. MOHD MUSA SARIP
Selangor International Islamic University College
syahida@kuis.edu.my

ABSTRACT

The guarantee of success (*al-falah*) in life in the world and the hereafter will be attained if each human being manage and arrange his or her life based on the rulings and regulations of Islam. Property and power are the trusts from Allah SWT that must be wisely managed according to His ways and regulations. Islamic property management aims towards obtaining wellbeing in the world and the hereafter. The holistic Islamic rulings have outlined a complete guidance relating to property management after demise through the complete and systematic Islamic Inheritance Law in the distribution of property through instruments such as will (*wasiat*), gift (*hibah*) and *waqf*. Thus, this article shall be focusing on the gift instrument in *al-Umm*, a masterpiece written by Imam al-Syafi'i. Imam al-Syafi'i was a prominent *fiqh* scholar who is well known in the Islamic history. He founded the Syafi'i sect, which is one of the sects in Islam that is followed by many Muslims. His *fiqh* views have become the main reference among majority of Muslims. His writings regarding *fiqh* and others, such as *al-Umm* is enough to place him amongst the renowned *fiqh* scholars until today. *Al-Umm* demonstrates the strength of Imam al-Syafi'i's view in terms of the discussions on gift that were centred on hadiths that serve as the main source of reference in his *istinbat* practice in issuing a ruling (*hukm*). The methodology used in this study is library research and content analysis. Gift is one of the instruments in the property distribution that is within the concept of Islamic property management. The concept and application of gift must be deeply understood from the perspective of its rulings and implementation method. After a person's demise, his or her property that was given through gift often raises a dispute among those involved to the extent it complicates the settlement of inheritance distribution. Therefore, if the gift instrument is systematically managed and in accordance with the Islamic rulings, the fate of those who are entitled to the right shall be preserved.

Key Words: Imam al-Syafi'i, *al-Umm*, gift, Islamic Inheritance

Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hadiah(Hibah)di dalam *Al-Umm Karya Imam Al-Syafi'i*

ABSTRAK

Jaminan *al-falah* (kejayaan) hidup di dunia dan akhirat akan tercapai sekiranya setiap manusia mengurus dan mengatur kehidupannya berteraskan hukum dan syariat Islam. Harta dan kuasa merupakan amanah Allah SWT yang perlu diuruskan dengan bijak dan berlandaskan syariatnya. Pengurusan harta secara Islam bermatlamat memperolehi kebaikan di dunia dan akhirat. Syariat Islam yang syumul turut menggariskan panduan lengkap berkaitan pengurusan harta selepas kematian melalui undang-undang Pusaka Islam yang lengkap dan sistematik terhadap pengagihan harta melalui instrumen wasiat, hibah dan wakaf. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan memfokuskan kepada instrumen hibah dalam *al-Umm karya Imam al-Syafi'i*. Imam al-Syafi'i adalah seorang tokoh fiqh yang terkemuka dalam [sejarah Islam](#). Beliau merupakan pengasas kepada [mazhab Syafi'i](#), yang mana ianya adalah salah satu daripada mazhab Islam yang banyak diikuti oleh penganut agama Islam. Pandangan fiqhnya menjadi rujukan utama majoriti umat Islam. Karya-karya penulisannya berkaitan fiqh dan selainnya cukup untuk menempatkannya di barisan ulama fiqh yang terbilang hingga kini. Di dalam karyanya *al-Umm* kekuatan yang ada pada pandangan Imam al-Syafi'i menerusi perbincangan tajuk hibah adalah berpaksikan kepada hadis yang menjadikannya utama *istinbatnya* dalam pengambilan hukum. Metodologi yang digunakan ialah kajian perpustakaan (*library research*) dan analisis kandungan (*content analysis*). Hibah merupakan salah satu elemen pengagihan harta yang terkandung dalam konsep pengurusan harta secara Islam. Hakikatnya hibah perlu difahami secara mendalam aspek konsep dan aplikasinya dari segi hukum dan cara pelaksanaan. Selepas kematian pihak yang menghibahkan harta mereka, sering timbul pertikaian dalam kalangan pihak-pihak terbabit sehingga menyukarkan penyelesaian harta pusaka. Oleh itu, sekiranya instrumen hibah ini diuruskan dengan teratur dan menepati kehendak syarak, maka nasib golongan yang ada hak dan berhak pasti terbelah.

Kata Kunci: Imam al-Syafi'i, *al-Umm*, hibah, Pusaka Islam.

PENDAHULUAN

Perancangan harta pusaka ialah sebarang usaha dan rancangan persediaan yang perlu dan wajar dilakukan bagi membahagikan dan mengagihkan harta-harta yang dimiliki oleh pemilik harta kepada para waris ataupun bakal penerima harta yang lain apabila pemilik harta meninggal dunia. Perancangan pembahagian ini dibuat semasa pemilik harta masih hidup (Mohd Fitri, 2007). Ilmu Faraid Satu cabang ilmu fiqh yang disyariatkan kepada umat manusia bagi tujuan menyelesaikan masalah berkaitan dengan harta pusaka atau apa juga harta peninggalan si mati yang bernilai. Ilmu faraid menjelaskan secara terperinci golongan yang dianggap waris kepada si mati yang berhak menerima harta pusaka dengan kadar bahagian tertentu dan adil. Ilmu Faraid juga disebut ilmu Mawarith, kata jama' bagi *mirath* (warisan) yang juga disebut *turath* atau *irth*. Secara terminologinya ialah suatu kaedah dalam ilmu fiqh yang berhubungkait dengan urusan pembahagian ke atas harta peninggalan si mati kepada setiap ahli waris. Ia merupakan suatu ketetapan yang mesti dilaksanakan dengan kadar pembahagian daripada Allah SWT (Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, 10:7697). Adapun Wasiat merupakan sebahagian daripada kaedah pembahagian harta di dalam Islam. Menurut ulama-ulama al-Shafi'i wasiat adalah pemberian harta secara sukarela yang dibuat kepada orang atau pihak lain sama ada dengan menggunakan perkataan wasiat atau perkataan-perkataan lain yang dapat difahami sebagai membawa makna wasiat, yang mana pemindahan hak milik akibat daripada pemberian itu hanya akan berkuat kuasa selepas kematian si pembuat wasiat. (al-Qalyubi t.t.j.3: 156); al-Syarbini t.t.j.2: 39). Secara ringkasnya, wasiat ialah pindah milik harta atau manfaat

untuk beramal jariah kepada bukan ahli waris dan hanya setakat 1/3 daripada nilai harta dan kuatkuasa pindah milik tersebut ialah selepas kematian pemiliknya, bukan ahli waris sama ada individu atau pertubuhan seperti anak angkat, cucu atau rumah anak yatim dan badanbadan kebajikan. Konsep pengurusan harta secara Islam meliputi lima elemen utama; i. Penghasilan harta dengan usaha dan tenaga (Al-Jumu'ah: 10, al-Qasas: 77) ii. Pengumpulan harta melalui cara penyimpanan dan pelaburan (Yusuf: 47- 48) iii. Perlindungan harta demi kesejahteraan masa depan (al-Hasyr: 18) iv. Pengagihan harta melalui instrumen wasiat (Al-Baqarah: 180), Hibah (Al-Baqarah: 177), wakaf (Ali Imran: 920) dan lain-lain. v. Penyucian harta melalui zakat dan amal jariah (Al-Baqarah: 195). Sehubungan dengan itu, artikel ini akan memfokuskan kepada instrumen Hibah dalam *al-umm* karya imam al-Syafi'i. Hibah merupakan instrumen penting dalam pengurusan harta menurut undang-undang Islam. Hibah merupakan elemen keempat (iv), iaitu pengagihan harta daripada lima elemen yang terkandung dalam konsep pengurusan harta secara Islam. Hibah perlu difahami secara mendalam aspek kedudukannya dari segi hukum dan cara pelaksanaan. Selepas kematian pihak yang menghibahkan harta mereka, sering akan timbul pertikaian dalam kalangan pihak-pihak terbabit sehingga menyukarkan penyelesaian harta pusaka. Oleh itu, sekiranya instrument ini diuruskan dengan teratur dan menepati kehendak syarak, maka nasib golongan yang ada hak dan berhak pasti terbelah.

PENYATAAN MASALAH

Secara umumnya, selepas kematian pihak yang menghibahkan harta mereka, sering timbul pertikaian dalam kalangan pihak-pihak terbabit sehingga menyukarkan penyelesaian harta pusaka. Oleh itu, sekiranya instrumen hibah ini diuruskan dengan teratur dan menepati kehendak syarak, maka nasib golongan yang ada hak dan berhak pasti terbelah. Maka dengan demikian, hibah perlu difahami secara mendalam aspek kedudukannya darisegi hukum dan cara pelaksanaan.

SKOP KAJIAN

Penulis ini akan menumpukan kepada penulisan imam al-Syafi'i dalam kitab *al-Umm* yang diterbitkan oleh Dar al-Wafa' Mansurah Mesir pada tahun 1422H./2001M dan dirujuk secara khusus pada kitab *al-Hibah (al-'Umra)* dan kitab *Ikhtilaf Malik wa al-Syafi'i* bab *fi al-'Umra* daripada halaman 129 hingga ke halaman 133, Jilid 5 dan halaman 591 hingga ke halaman 596, Jilid 8.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan ialah kajian perpustakaan (*library research*) dan analisis kandungan (*content analysis*).

1. Hibah Dalam Aspek Pengurusan Harta Pusaka Dari Perspektif Imam Al-Syafi'i Menerusi Karyanya *Al-Umm*.

Hibah ialah suatu akad pemberian milik sesuatu harta tanpa balasan semasa hidup secara sukarela (al-Nawawi 1985, al-Syarbini t.t, al-Ramli 1967, al-Qalyubi wa 'Umayrah t.t, al-Ansari t.t, al-Sayyid Sabiq 1987, Mustafa al-Khin et. Al 2003). Secara prinsipnya, Hibah boleh diberikan kepada ahli waris atau bukan ahli waris. Kuat kuasa pindah milik adalah serta merta semasa pemberian atau semasa hidup. Perbincangan tentang harta pusaka turut melibatkan instrumen Hibah. Secara asasnya bermaksud pemberian, sedekah atau hadiah melibatkan akad yang mengandungi pemberian hak milik oleh pemilik harta kepada seseorang secara sukarela semasa hayatnya atas dasar kasih sayang tanpa mengharapkan balasan.

Hibah ialah satu amalan sunat yang digalakkan dalam Islam terutama Hibah diberikan kepada kaum keluarga terdekat. Dalil Hibah terkandung di dalam al- Quran Surah Al-Baqarah ayat 177 dengan firman Allah “berikanlah harta yang disayangi itu kepada kaum kerabat”. Jenis harta yang boleh dihibahkan ialah semua jenis harta yang menjadi milik sah penghibah seperti hartanah (rumah, tanah, kondominium, apartment dsb), saham syarikat (sdn bhd atau berhad), saham unit amanah, polisi insurans atau Takaful dan lain-lain harta bernilai yang boleh dimiliki dan dipindah milik. Tujuan dan kesan hibah ialah semata-mata ingin memenuhi kehendak penghibah berkenaan kepada siapa yang dia ingin berikan hartanya. Sesiapa saja boleh melakukan hibah ke atas hartanya kepada sesiapa saja yang dikehendakinya. Amalan Hibah adalah berkesan terutamanya kepada orang Islam yang berhasrat untuk memberikan harta tertentu mengikut fomulanya sendiri. Namun, setiap kontrak dalam muamalah Islam mempunyai rukun-rukun dan syarat-syaratnya yang perlu dipenuhi, termasuk juga instrumen Hibah dalam aspek pengurusan harta pusaka. Akad Hibah menjadi sah setelah rukun-rukun dan syarat-syaratnya menepati syara’.

Rukun-rukun Hibah ialah pemberi Hibah (*al-wahib*), penerima Hibah (*al-mauhub lahu*), benda yang dihibahkan (*al-mauhub*) dan penawaran serta penerimaan atau ijab dan qabul (*sighah*). Setiap rukun perlu tertakluk kepada syarat-syarat tertentubagi mengesahkan keseluruhan akad Hibah. Syarat sah bagi penghibah ialah merupakan pemilik yang sah ke atas harta (*al-mauhub*) dan tidak wujud halangan ke atas pemilikan dan pengurusannya. *Al-wahib* juga sempurna akal, baligh dan *rushd* (bijak menguruskan harta). Hibah dilakukan dengan rela hati tanpa paksaan atau pengaruh, jika berlaku ataudidapati wujud paksaan maka Hibah akan terbatal. Syarat sah penerima pula, sesiapa saja sama ada muslim atau non-muslim asalkanmaksudnya tidak melanggar syara’ dan penerima adalah mukallaf sertaberkeupayaan memiliki dan menguruskan harta Hibah. Sekiranya penerimatidak/belum mukallaf seperti belum baligh atau kurang upaya, Hibah bolehdiberikan kepada wali/pemegang amanahnya. Penerima juga disyaratkan wujudsemasa proses Hibah dijalankan.

Barangan atau harta yang dihibahkan perlu memenuhi syarat-syarat berikut; i) Barangan atau harta halal. ii) Mempunyai nilai di sisi syara’. iii) Milikan penuh penghibah. iv) Boleh diserahkan. v) Benar-benar wujud semasa akad. 6) Harta wujud secara berasingan dan boleh dipisahkan daripada hartaharta yang tidak termasuk dalam Hibah. Barangan bercagar boleh dihibahkan dengan syarat mendapat keizinan daripada penggadai atau peminjam. *Sighah* Hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan Hibah. Ianya tertakluk kepada syarat-syarat berikut; 1) Ada persambungan dan persamaan di antara ijab dan qabul. 2) Tiada bersyarat yang tertentu. 3) Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu.

1.1 Isu-Isu Hukum Berkaitan Hibah

Di antara pandangan Imam al-Syafi’i dan fuqaha tentang isu-isu hibah adalah seperti berikut;

1.1.1 Hibah ‘Umra

Dalam penulisan kitab *al-Umm* takrifan ‘*umra* dari segi bahasa dan istilah syarak berbentuk teknikal tidak diutarakan oleh Imam al-Syafi’i. Yang ada cuma gambaran bagaimana ‘*umra* itu berlaku dalam bentuk lafaz *sighah* sepertimana berikut;

العُمْرَى هِيَ أَنْ يَقُولَ الرَّجُلُ الْآخَرُ: أَعْمَرْتُكَ هَذِهِ الدَّارَ أَيِ أَبْتِ لَكَ سَكْنَهَا مَدَّةَ عَمْرِكَ.

‘*Umra* iaitu pemberi hibah berkata kepada penerima hibah: “*Aku ‘umrakan kamu rumah ini iaitu membolehkan kamu mendiami rumah ini sepanjang hidup atau hayat kamu*”. (Al-Syafi’i: 2001).

Para fuqaha berselisih pendapat tentang keharusan hibah bersyarat yang dikaitkan dengan tempoh tertentu yang bersifat sementara. Berdasarkan perbincangan ahli fiqh pelbagai mazhab, terdapat tiga pendapat mengenai kesan 'umra terhadap kontrak hibah.

Pendapat pertama: Jumhur fuqaha (Al-Asyqar: t.t) termasuk Imam al-Syafi'i (Al-Syafi'i: 2001) berpendapat bahawa hibah tersebut sah namun syarat 'umra terbatal dan tidak digunapakai. Jumhur fuqaha dan Imam al-Syafi'i di dalam karyanya *al-Umm* berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Jabir r.a yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “‘Umra itu adalah hak orang yang menerima hibah” (Al-Bukhari, Sahih, kitab (*al-hibah wa fadluha wa al-tahrid ‘alayha*) bab (*ma qila fi al-'umra wa al-ruqba*). Hadis lain yang juga diriwayatkan oleh Jabir r.a menyebut bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesiapa sahaja yang diberikan 'umra kepadanya dan kepada ahli warisnya, maka ia menjadi milik orang yang diberi itu, tidak kembali kepada orang yang memberi untuk selama-lamanya, kerana bahawasanya orang yang memberi itu telah melakukan satu pemberian yang boleh diwarisi” (Hadis riwayat Muslim. Lihat al-Nawawi, Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, Kitab al-Hibah, Bab al-'Umra, hadith no. 20/1625, 241). Dan sabda Rasulullah SAW lagi: “Jagalah harta kanu dan janganlah kamu merosakkannya. Sesiapa yang mengucapkan 'umra ia adalah hak orang yang ditujukan 'umra itu sama ada hidup atau mati dan kepada keturunannya” (Muslim, Sahih, kitab (*al-hibat*) bab (*al-'umra*)).

Rasulullah SAW telah menetapkan bahawa akad 'umra adalah sah. Ia menjadi hak milik penerima hibah sepenuhnya serta boleh diwarisi dan tidak dikembalikan kepada pemberi hibah selama-lamanya. Ini bermakna, 'umra yang disyaratkan dalam pemberian hibah tersebut tidak diambilkira. Dalam hal ini, Imam al-Syafi'i juga turut menegaskan perkara yang sama ketika al-Rabi' mengemukakan soalan kepadanya dalam isu ini.

Pendapat kedua: Imam Malik, Yahya bin Sa'id, al-Qasim bin Muhammad dan al-Layth berpendapat bahawa akad dan syarat 'umra adalah harus dan hibah 'umra merupakan pemberian manfaat harta sahaja (Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad: 1416H/1996M). Harta yang dihibahkan hendaklah dikembalikan kepada penghibah atau warisnya setelah penerima hibah meninggal dunia. Sungguhpun demikian, jika penghibah menyatakan 'umra tersebut juga untuk keturunan atau waris penerima hibah, maka tempoh pemilikan harta itu dilanjutkan sehingga kematian ahli waris penerima. Selepas tempoh tersebut, harta hendaklah dikembalikan kepada penghibah atau ahli warisnya. Pendapat ini adalah berasaskan hujah riwayat daripada 'Abd al-Rahman bin al-Qasim bahawa ia mendengar Makhul al-Dimasyqi bertanya kepada al-Qasim bin Muhammad berkenaan dengan 'umra. Maka berkata al-Qasim: Aku tidak tahu kecuali manusia itu berpegang kepada syarat-syarat mereka pada harta dana apa yang mereka berikan. Berkaitan dengan isu ini, Imam al-Syafi'i menerusi karyanya *al-Umm* menegaskan bahawa beliau tetap berpegang dengan al-sunnah sepertimana dalam kehujahan pendapat yang pertama.

قال الشافعي: نحن لا نعلم أن القاسم قال هذا إلا بخبر يحيى عن عبد الرحمن عنه. وكذلك علمنا قول النبي صلى الله عليه وسلم في العمري بخبر ابن شهاب، عن أبي سلمة، عن جابر عن النبي صلى الله عليه وسلم وغيره. فإذا قبلنا خبر الصادقين، فمن روى هذا عن النبي صلى الله عليه وسلم أرجح ممن روى هذا عن القاسم. لا يشك عالم أن ما ثبت عن رسول الله صلى الله عليه وسلم أولى أن يقال به، مما قال أناس بعده. قد يمكن فيهم ألا يكونوا سمعوا من رسول الله صلى الله عليه وسلم، ولا بلغهم عنه شيء، وأنهم لناس لا نعرفهم.

Berkenaan kehujahan yang digunapakai dengan berasaskan riwayat daripada al-Qasim, ini kata Imam al-Syafi'i, kami tidak tahu perkataan al-Qasim kecuali riwayat daripada Yahaya daripada 'Abd Al-

Rahman dan dari al-Qasim sendiri. Dan demikian kami juga tahu mengenai 'umra daripada nabi SAW melalui riwayat Ibn Syihab, Abu Salamah, Jabir, dari Nabi SAW dan lai-lain perawi yang meriwayatkan perkara ini. Kata Imam al-Syafi'i: Jika kita menerima riwayat daripada perawi-perawi yang sama-sama martabat *thiqahnya* (dipercayai) iaitu jujur, maka sesiapa yang telah meriwayatkan hadis daripada baginda Rasulullah SAW adalah lebih tepat dan layak daripada yang meriwayatkan daripada al-Qasim. Dunia tidak meragukan apa yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW kerana perkataannya yang lebih *awla* diterima dan dipegang daripada perkataan orang lain. Kata al-Syafi'i: Mungkin berlaku mereka tidak mendengar hadis daripada Rasulullah SAW dan mungkin penjelasan baginda tidak sampai kepada mereka.

(Al-Syafi'i: 2001).

Pendapat ketiga: Imam Ahmad dalam satu riwayat, Imam Malik, Imam al-Shafi'i dalam *qawl qadimnya*, Jabir bin 'Abd Allah, 'Urwah bin al-Zubayr, Abu Salamah bin 'Abd al-Rahman, al-Qasim bin Muhammad, Zayd bin Qist, al-Zuhri dalam salah satu pendapatnya, Ibn Abi Dhi'b, Abu Thawr, Dawud al-Zahiri dan golongan Zaidiyyah berpendapat 'umra yang mensyaratkan harta yang dihibahkan untuk penerima dan waris-warisnya akan menjadi milik penerima dan waris-warisnya sebagaimana pendapat golongan pertama. Namun sekiranya pemberi hibah tidak menyatakan bahawa harta yang dihibahkan akan menjadi milik waris penerima seperti dia berkata: "sekiranya kamu mati harta tersebut untukku", maka harta yang dihibahkan akan akan kembali kepada pemberi hibah (Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah bin Ahmad: t.t). Jabir r.a. berkata: "Sesungguhnya 'umra yang diharuskan oleh Rasulullah SAW adalah apabila seseorang berkata, "Ia (mawhub) untukmu dan ahli warismu". Adapun jika dia berkata, "Ia untukmu selama mana kamu hidup", maka hendaklah ia dikembalikan kepada pemilik asalnya" (Hadis riwayat Muslim dan Ahmad. Lihat al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Kitab al-Hibah, Bab al-'Umra, hadith no. 23/1625, 242; Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *al-Musnad*, no. hadith 14133).

1.1.2 Hibah 'Ruqba

Berkenaan dengan hibah *ruqba*, Imam al-Syafi'i juga tidak mengemukakan definisi sama ada dari sudut etimologi dan terminologi sebagaimana kebiasaan para ulama fiqh yang lain. Namun begitu, sebagaimana yang difahami, hibah *ruqba* daripada bentuk lafaz *sighah* yang dikemukakan Imam al-Syafi'i dalam karyanya *al-Umm* adalah sepertimana berikut;

والرُّقْبَى أَن يَقُولَ الرَّجُلُ لِلرَّجُلِ: يَقُولُ وَهَبْتُ لَكَ هَذِهِ الدَّارَ، فَإِنْ مِتَّ قَبْلِي رَجَعَتْ إِلَيَّ، وَإِنْ مِتَّ قَبْلَكَ فَهِيَ لَكَ، فَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا يَرْقُبُ مَوْتَ الْآخَرِ، فَسَمِيَتْ رُقْبَى.

Al-ruqba apabila pemberi hibah berkata kepada penerima hibah "Aku berikan kamu rumah ini maka sekiranya kamu mati sebelumku ia kembali kepadaku, (namun) jika aku mati sebelum kamu maka ia menjadi milikmu, maka masing-masing menjadikan rumah itu sebagai *ruqba* dengan menunggu mati salah seorang di antara mereka"

(Al-Syafi'i: 2001).

Berdasarkan lafaz *sighah* tersebut, *ruqba* adalah kembali kepada orang yang masih hidup dan itu adalah *ruqba* daripada kedua-dua pihak. Kontrak hibah yang disertai syarat *ruqba* adalah sah. Walau bagaimanapun, sama seperti 'umra, perbezaan pendapat para ahli fiqh adalah berkisar mengenai adakah syarat *ruqba* itu sendiri boleh dikuatkuasakan ataupun sebaliknya. Perbincangan berikut membahaskan pandangan ahli fiqh mengenai kedudukan syarat *ruqba* dan justifikasi yang dikemukakan.

Pendapat pertama: Mazhab al-Shafi'i, terdapat dua pendapat mengenai kedudukan *ruqba*. Mengikuti *qawl qadim*, hibah dengan mensyaratkan *ruqba* merupakan kontrak yang batal (al-Qaylubi: t.t). Manakala mengikuti *qawl jadid*, iaitu pandangan yang lebih tepat menurut al-Nawawi, hibah dengan syarat *ruqba* adalah sah dan memberi kesan kepada pindah milik *mawhub* kepada penerima. Walau bagaimanapun, syarat *ruqba* adalah batal dan dianggap sebagai tiada (Al-Nawawi: t.t). Oleh kerana itu, setelah penerima melakukan *qabul* dan *qabd*, harta akan menjadi milik penerima hibah selama hayatnya dan menjadi harta pusaka bagi ahli warisnya selepas dia mati tanpa mengambil kira kedudukan penghibah selepas daripada kontrak tersebut sama ada masih hidup ataupun telah mati (Al-Haytami: t.t). Pandangan ini juga merupakan pandangan mazhab Hanbali (Ibn Qudamah: t.t).

Dalam perbincangan hibah *ruqba* ini, merujuk kepada kitab *al-Umm*, adalah dapat difahami bahawa pandangan yang dikemukakan al-Nawawi, itulah pandangan Imam al-Syafi'i yang sebenar dalam *qawl jadidnya*. Mereka berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar dan Jabir r.a: Rasulullah SAW telah bersabda: "*Janganlah kamu semua melakukan ruqba dan janganlah juga melakukan 'umra. Kerana sesiapa yang diberi ruqba atau diberi 'umra, maka ia akan (menjadi) milik ahli warisnya*" (Abi al-Tayyib Muhammad Shams al-Haq^{t.t}).

Sighah larangan dalam hadith ini jelas menunjukkan bahawa syarat yang ditetapkan dalam *'umra* dan *ruqba* batal. Jika kedua-dua syarat tersebut boleh dikuatkuasakan (atas asas bahawa hartaitu adalah manfaat), nescaya Rasulullah SAW tidak menyebut mengenai kesan *'umra* dan *ruqba* yang menyebabkan hartamenjadi milik hakiki kepada penerima hibah dan tidak akan dipulangkan semula kepada penghibah. Jika kesan kontrak *'umra* dan *ruqba* hanya sekadar memindah milikan manfaat hartakepada penerima dan penghibah akan mendapat semula hartatersebut (sebagaimana pendapat Malik) nescaya Rasulullah SAW tidak akan memberi peringatan sedemikian (Al-'Asqalani^{t.t}).

Penadapat kedua: Menurut pandangan fuqaha Maliki dan Hanafi pula, *ruqba* merupakan kontrak yang tidak sah dan adalah batal kerana Rasulullah SAW telah mengharuskan *'umra* dan membatalkan *ruqba*. Larangan ini menurut mereka disebabkan pemilikan hibah ini berkait dengan sesuatu yang bahaya, Oleh kerana itu, tidak harus mengaitkan suatu pemilikan dengan suatu yang membahayakan. Mereka juga bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang mengharuskan *'umra* dan membatalkan *ruqba*, namun menurut Imam Ahmad, hadis tersebut tidak diketahui (Ibn Qudamah: t.t). Dalam isu ini, menurut al-Kasani, pemilikan dengan syarat kematian salah seorang daripada pihak terbabit menyebabkan wujudnya unsur-unsur *gharar* dalam kontrak itu. Meletakkan syarat *ruqba* dengan sendirinya bermaksud penghibah telah *menta'liqkan* pemberiannya dengan perkara yang kewujudannya tidak dapat dipastikan. Oleh kerana pemilikan tidak boleh digantung (*ta'liq*) dengan perkara-perkara yang tidak pasti, maka kontrak hibah dengan syarat *ruqba* adalah tidak sah (Al-Kasani^{t.t}).

Dalam hal ini menerusi *al-Umm*, Imam al-Syafi'i hanya menyentuh secara ringkas dengan mengemukakan apa yang diberitakan oleh Sufyan bin 'Uyainah dari Ibn Jurayj dari 'Ata' bin Abi Rabah dari Jabir bin 'Abd Allah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Janganlah kamu semua melakukan ruqba dan janganlah juga melakukan 'umra. Kerana sesiapa yang diberi ruqba atau diberi 'umra, maka ia akan (menjadi) milik ahli warisnya"
(Al-Syafi'i: 2001).

1.1.3 Penarikan Balik Hibah Sebelum *Qabd*

Fuqaha berselisih pendapat tentang hukum penarikan balik hibah sebelum *qabd* iaitu:

Pendapat pertama yang merupakan pendapat Mazhab Hanafi, Syafi'i, dan satu riwayat daripada mazhab Hanbali mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd* (Hasan Muhammad Buda 2004).

Mereka berhujah berdasarkan ijmak para sahabat Rasulullah SAW yang mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd* (Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad t.t) dan ia dikuatkan lagi dengan hujah-hujah yang telah dikemukakan dalam masalah keperluan *qabd* dalam akad hibah.

Pendapat kedua pula merupakan pendapat Mazhab Maliki dan Zahiri tidak mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd*. Mereka berhujah berdasarkan firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Terjemahan:

“Wahai orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...”

(Surah al-Maidah, ayat 1)

Akad hibah berkuat kuasa dengan lafaz *ijab* dan *qabul* dari pemberi dan penerima sehingga memberi kesan kewajipan menunaikan janji yang telah diakad tanpa perlu kepada *qabd*. Mereka juga berhujah dengan logik akal dengan mengatakan bahawa akad hibah adalah seperti akad-akad lain yang tidak perlu kepada *qabd* sebagai syarat sah sesuatu akad (Hasan 2004).

Dan **Pendapat ketiga** merupakan pendapat Mazhab Hanbali daripada riwayat yang lain mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd* sekiranya barang yang dihibahkan itu berbentuk barang yang disukat atau ditimbang. Namun sekiranya barang yang dihibah itu tidak boleh disukat atau ditimbang, tidak harus menarik balik hibah tersebut sebelum berlakunya *qabd* (Hasan 2004).

1.1.4 Penarikan Balik Hibah Selepas *Qabd*

Penarikan balik hibah yang telah sempurna dengan *qabd* oleh penerima hibah selain dari hibah seorang bapa kepada anaknya juga telah menjadi perselisihan fuqaha tentang keharusan. Perselisihan tersebut terbahagi kepada tiga pendapat iaitu:

Pendapat pertama yang merupakan pendapat mazhab Syafi’i (Al-Syafi’i, 2001), Hanbali, Abu Thawri, Ibn Hazm, Daud al-Zahiry dan sahabat-sahabatnya. Mereka berpendapat bahawa hibah yang telah sempurna tidak harus bagi pemberi hibah menarik balik hibahnya (Ibn Qudamah t.t) Mereka berhujah dengan dalil-dalil berikut:

i. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian ...”

(Surah al-Maidah : 1)

Hibah merupakan akad yang wajib ditunaikan dan tidak harus ditarik balik.

ii. Sabda Rasulullah SAW:

الْعَائِدُ فِيهَا كَالْكَلْبِ يَتِيءُ ثُمَّ يَغُودُ فِي عَيْتِهِ

Maksud: *Orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali.*

iii. Sabda Rasulullah SAW lagi sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar:

عَنْ زَيْدِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ جَعْفَرٍ عَنْ حَسَنِ الْمَعْلَمِ عَنْ عَطَا وَسَعْنِ بْنِ عَمْرٍو وَابْنِ عَبَّاسٍ هَذَا يَحْلُلُ لِلرَّجُلِ أَنْ يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ ثُمَّ يَرْجِعُ فِيهَا إِلَى الْوَالِدِ فَيَمَّا يُعْطِي وَلَدَهُ.
(رواه البخاري ومسلم وأبو داود والترمذي)

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang yang memberi hibah menarik balik hibahnya kecuali hibah bapa kepada anaknya.

(Al-Qazwini t.t: 2:295)

Rasulullah SAW menyamakan penarikan balik hibah dengan satu gambaran yang teruk yang di luar tabiat semula jadi manusia yang baik iaitu gambaran seperti anjing yang menelan semula muntahnya.

Pendapat kedua pula merupakan pendapat mazhab Hanafi (Hasan 2004) bahawa sekiranya hibah itu diberikan kepada *ajnabid*an telah sempurna pemberian hibah dengan qabd oleh penerima hibah, maka tidak terhalang pemberi hibah daripada menarik balik hibah yang telah diberikan kecuali jika terdapat salah satu daripada perkara yang menghalang penarikan balik hibah (Muhammad Husni 1994). Sungguhpun begitu, menurut fuqaha mazhab Hanafi ia makruh dan tidak digalakkan (Al-Qadiri 1997).

Pendapat ketiga merupakan pendapat al-Nakhaie, al-Thawri dan Ishak bahawa hibah boleh ditarik balik sekiranya diberikan kepada selain dari kaum kerabat dan hibah yang tiada syarat balasan walaupun telah sempurna penyerahan hibah tersebut (Muhammad Husni 1994). Mereka berhujah dengan athar saidina Umar:

حدثنا أبو معاوية عن الأعمش عن إبراهيم عن الأسود عن عمر قال من وهب هبة لذي رحم فهو حائزٌ ومن وهب هبة لغير ذي رحم فهو أحمقهما ما لم يشبع عليهما

Maksud:

Sesiapa yang memberi hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya adalah harus, dan sesiapa yang memberi hibah kepada selain daripada yang mempunyai hubungan keluarga dengannya dia lebih berhak ke atas hibah tersebut kerana tidak mendapat apa-apa ganjaran daripadanya

(Ibn Qudamah t.t)

Berdasarkan *athar* di atas, tidak harus menarik balik pemberian hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada boleh dikahwini atau pun tidak dengan tidak mengkhususkan kepada keluarga yang boleh dikahwini sahaja seperti pendapat mazhab Hanafi.

1.1.5 Penarikan Balik Atau Pembatalan Hibah Dalam *Silah al-Zawjiyyah* (Hubungan Perkahwinan)

Dalam *silah zawjiyyah* apabila suami atau isteri menghibahkan sesuatu kepada pasangannya, maka penghibah tidak diharuskan untuk *meruju*' hibahnya. Asas kepada larangan *ruju*' ini ialah hibah yang dilakukan semasa tempoh perkahwinan bermaksud untuk menguatkan ikatan kasih sayang antara suami dan isteri. Dengan demikian, keutuhan kasih sayang antara mereka dianggap sebagai balasan kepada penghibah. Oleh itu, penghibah dihalang daripada melakukan *ruju*' ('Ali Haydar. tt). Selain itu, menurut al-Kasani dan al-Zuhaily pertalian suami isteri adalah sama dengan pertalian kekeluargaan (*silah al-qarabah*) dari sudut suami isteri boleh mewarisi antara satu sama lain. Oleh sebab hubungan kekeluargaan juga merupakan *mawani*' (sekatan) kepada *ruju*', maka begitulah halnya dengan hubungan suami isteri (Al-Kasani. 2003).

Dalam Mazhab Hanafi, larangan *ruju*' atas dasar hubungan suami isteri ini mestilah hibah tersebut dilakukan dalam tempoh perkahwinan. Oleh yang demikian, hibah yang dilakukan sebelum

perkahwinan boleh diruju' selagi tidak terdapat *mawani'* yang lain. Sebaliknya, penghibah tidak berhak meruju' pemberiannya jika perceraian berlaku selepas hibah yang dilakukan dalam perkahwinan tersebut. Selain demikian, Imam Abu Hanifah memberi penekanan bahawa *ruju'* juga tidak dibenarkan sekiranya isteri membuat dakwaan bahawa hibahnya kepada suami diluar kerelaannya iaitu dengan paksaan suami (Al-Syafi'i 2001). Sebaliknya Imam al-Syafi'i mensyaratkan semestinya untuk melaksanakan hibah adalah secara sukarela dan tiada unsur paksaan (Al-Syafi'i 2001). Dalam menghuraikan tentang isu ini, melalui karyanya *al-Umm*, Imam al-Syafi'i menegaskan dengan kenyataan bahawa:

قال الشافعي رحمه الله عليه: وإذا تصدّقت المرأة على زوجها بشيءٍ أو وضعت له من مهرها أو من دين كان لها عليه، فأقامت البيّنة أنه أكرهها على ذلك والزّوج في موضع القهر للمرأة أبطلت ذلك عنها كله.

Maksud:

Apabila seseorang wanita menyedekahkan/menghibahkan sesuatu, mahar atau hutang kepada suaminya, kemudian dia mendakwa bahawa hibah tersebut berlaku di atas paksaan suaminya dengan dia mengemukakan bayyinah (keterangan) yang menyatakan bahawa suami memaksanya atas yang demikian. Kata Imam al-Syafi'i aku batalkan hibah tersebut (Al-Syafi'i 2001).

Jika dianalisis dapatlah disimpulkan bahawa pandangan Imam al-Syafi'i di atas ternyata kerelaan pemberi hibah merupakan syarat penting kepada kesahan hibah. Pandangan Imam al-Syafi'i ini sememangnya ada asasnya kerana sesuatu hibah itu daripada satu pihak kepada pihak yang lain biarpun suami isteri yang wujud hubungan *zawjiyyah* tidak harus berlaku kecuali dengan kerelaan kedua-dua pihak.

1.1.6 Pembatalan Hibah Dalam Isu *Marad Mawt al-Wahib* (Kematian Penghibah)

Dalam persoalan ini, menurut Imam al-Syafi'i apabila penghibah sakit lalu meninggal dunia, ahli warisnya tidak diberi hak untuk meruju' hibah tersebut daripada penerima hibah. Hal demikian kerana hak *ruju'* merupakan hak eksklusif penghibah sahaja. Oleh itu, hak tersebut tidak boleh dipindahkan kepada ahli waris penghibah selepas kematiannya kerana ahli waris dianggap sebagai orang luar dalam akad hibah melainkan sekiranya *mawhub* (harta yang dihibah) tersebut belum dipindah milik, dalam ertikata lain tidak berlaku *qabd* (serahan). Imam al-Syafi'i berpendapat bahawa *qabd* ialah syarat untuk menguatkuasakan akad hibah. Menurutnya, hibah yang berlaku dengan semata-mata *ijab* dan *qabul* antara penghibah dan penerima hibah belum berkuatkuasa. Dengan demikian *mawhub* tersebut menjadi hak pewarisan. Dalam menghuraikan persoalan tersebut, Imam al-Syafi'i menjelaskan pandangannya dengan menyatakan bahawa:

قال الشافعي رحمه الله عليه: وإذا وهب الرجل في مرضه الهبة فلم يقبضها الموهوبة له حتى مات الواهب، لم يكن للموهوبة له شيء وكانت الهبة للورثة.

Maksud:

Apabila seseorang menghibahkan masa sakitnya suatu hibah, lalu belum diterima oleh penerima hibah sesuatu yang dihibahkan sehingga penghibah meninggal, maka tidaklah bagi yang dihibahkan itu sesuatu dan hibah tersebut bagi para waris penghibah

(Al-Syafi'i 2001)

Merujuk kepada pandangan Imam al-Syafi'i ini menunjukkan bahawa perlunya *qabd* dalam hibah dan tidak sabit berlakunya pemilikan melainkan dengan *qabd*.

1.1.7 Penarikan Balik Hibah Bapa Kepada Anak

Jumhur fuqaha daripada mazhab Maliki, Syafi'i (2001), Hanbali dan Zahiri berpendapat bahawa bapa diharuskan menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anak (Al-Zuhaily 1997) dengan beberapa syarat tertentu sama ada tujuan penarikan balik tersebut untuk memberi kesamarataan pemberian di kalangan anak-anak atau tanpa tujuan tersebut (Al-Zuhaily 1997). Namun menurut mazhab Syafi'i, sekiranya pemberian tersebut telah diberikan secara adil antara anak-anak dan tiada apa-apa keuzuran yang menyebabkan bapa menarik balik hibahnya seperti anak telah derhaka atau pemberian tersebut menyumbang kepada kemaksiatan yang dilakukan oleh anak, maka hukum bapa menarik balik hibahnya adalah makruh (Inas 1993). Jumhur fuqaha mengharuskan penarikan balik hibah bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar:

حدثنا

حسينا المعلم عن عمرو وعنه شعيب عن طاوس عن ابن عمر وابن عباس رضي الله عنهم عن النبي صلى الله عليه وسلم قال لا يحل للرجل أن يعطي عطية أو يهبهبة فيرجعها
هأ إلا الوالد فيما يعطيه لدهو مثلاً لذي يعطيه العطية ثم يرجعها كمثل الكلب إذا شبع فأذأ شبعاً ثم عاد فيقئيه

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang yang memberi pemberian atau hibah menarik balik hibahnya kecuali hibah bapa kepada anaknya, dan diumpamakan orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang makan apabila telah kenyang dia memuntahkannya kemudian dia kembali memakan muntahnya.
(Al-Hakim 1990, 2:53)

Mazhab Hanafi, al-Thawuri dan satu riwayat lain daripada Imam Ahmad berbeza pendapat dengan jumhur fuqaha dengan tidak mengharuskan penarikan balik hibah bapa kepada anaknya (Ibn Qudamah t.t). Mereka berhujah berdasarkan sabda Rasulullah SAW :

العائد في هبته كالكلبيتي ثم يعو في قبته

(Riwayat al-Bukhari)

Terjemahan:

Orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali.

Saidina 'Umar pula telah berkata: "Sesiapa menghibahkan sesuatu dengan tujuan untuk mengeratkan silaturrahim atau bertujuan untuk bersedekah maka tidak harus menarik balik hibahnya (Ibn Qudamah t.t).

Jumhur fuqaha telah berselisih pendapat tentang siapakah selain bapa yang dikira hukumnya sebagai bapa yang diharuskan menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anak:

Pendapat pertama yang merupakan pendapat Mazhab Maliki berpendapat bahawa keharusan menarik balik hibah hanya diberikan kepada bapa sahaja (Al-Zuhayli 2007) sama ada anak tersebut lelaki ataupun perempuan, kanak-kanak atau dewasa, kaya atau miskin dengan syarat harta yang dihibah masih menjadi milik anak dan tidak terikat dengan hak orang lain (Inas, Noor Lizza Mohamed Said et.al 1993) Namun ibu juga berhak menarik balik hibah daripada anaknya yang masih mempunyai bapa tidak kira anak tersebut masih kecil atau telah dewasa. Tetapi sekiranya anak tersebut masih kecil dan telah kematian bapa, ibu tidak diharuskan menarik balik hibah walaupun pemberian itu sebelum kematian bapanya kerana anak kecil yang kematian bapa dikira sebagai anak yatim yang dilarang menarik balik hibah daripadanya seperti hukum sedekah (Hasan 2004).

Pendapat kedua pula merupakan pendapat Mazhab Syafi'i dan Hanbali yang berpendapat penarikan balik hibah diharuskan kepada bapa dan *usulnya* iaitu datuk dan nenek, begitu juga kepada ibu dan *usulnya* (Al-Syarbini t.t, Al-Damiri 2004, Noor Lizza Mohamed Said et.al 2010) walaupun berlainan agama menurut pendapat yang masyhur. Keharusan tersebut tanpa melihat kepada kedudukan anak sama ada ia miskin atau kaya dan sama ada ia masih kecil ataupun telah dewasa dan juga sama ada sebelum atau selepas *qabd* (Al-Sharbini t.t). berdasarkan sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar yang mengharuskan penarikan balik hibah daripada seorang bapa kepada anaknya (Al-Sharbini 1994). Keharusan datuk atau nenek menarik balik hibah yang telah diberikan kepada cucunya adalah dengan bersandarkan ayat Allah SWT yang menggunakan lafaz bapa untuk datuk seperti firman Allah SWT:

وَاتَّبَعْتُمُ اللَّهَ آبَائِيَّ بَرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ

Maksud:

Dan aku menurut agama bapa dan datuk nenekku: Ibrahim dan Ishak serta Yaakub.

(Surah Yusuf, ayat 38)

Lafaz *آبَائِي* yang bermaksud bapa-bapaku telah digunakan untuk Nabi Ibrahim dan Nabi Ishak yang merupakan datuk kepada Nabi Yusuf a.s. Oleh itu, kedudukan datuk dan nenek adalah sama dengan kedudukan bapa yang diberi keharusan menarik balik hibah yang telah diberikan kepada cucunya sebagaimana keharusan yang diberikan kepada bapa dan ibu (Hasan 2004, Noor Lizza Binti Mohamed Said et.al 2010).

Syarat-syarat yang mengharuskan penarikan balik hibah mengikut pendapat fuqaha: i. Harta yang dihibahkan masih menjadi milik anak yang menerima hibah. Sekiranya harta atau barang yang dihibahkan itu telah menjadi milik orang lain sama ada telah dijual, telah diwakafkan atau telah dihibahkan dan telah berlaku *qabd* maka bapa tidak harus menarik kembali hibahnya. Ia merupakan syarat yang ditetapkan oleh mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali (Al-Damiri 2004). ii) Harta atau barang yang dihibahkan masih berada di dalam jagaan atau urusan anak yang menerima hibah. Sekiranya anak telah menggadaikan barang yang dihibahkan oleh bapanya atau pun dia telah muflis dan ditegah daripada menguruskan hartanya, maka bapa tidak boleh menarik balik hibah tersebut bagi menjaga kepentingan pemiutang atau orang yang memegang barang gadaian tersebut. Namun sekiranya barang yang dicagarkan tadi telah menjadi milik anak yang menerima hibah kerana telah diselesaikan hutangnya, maka bapa berhak menarik balik hibah tersebut. Ia merupakan pendapat mazhab Hanbali (Muhammad Husni 1994, Noor Lizza Binti Mohamed Said et.al 2010). Namun begitu, fuqaha mazhab Shafi'i tidak menjadikan gadaian dan pinjaman atas tanah yang dihibah sebagai halangan untuk bapa menarik balik hibahnya kerana barang yang dihibah masih di bawah penguasaan anak. Dikecualikan dalam masalah ini, sekiranya bapa telah gila, maka dia atau walinya tidak boleh menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anak walaupun harta tersebut masih di bawah penguasaan anak kerana tidak sah penarikan balik ketika dalam keadaan gila sehinggalah dia telah sihat (Al-Sharbini t.t). iii) Hibah yang diberikan bukan menjadi sebab orang menyukai anak yang menerima hibah atau mendapat kedudukan dalam masyarakat. Sebagai contoh, disebabkan pemberian hibah seorang bapa kepada anaknya masyarakat sekeliling ingin bermuamalah, berhutang atau memberi hutang atau berkahwin dengan anak yang menerima hibah tersebut. Dalam masalah ini, bapa tidak diharuskan menarik balik hibah menurut pendapat mazhab Maliki dan juga menurut satu riwayat daripada Imam Ahmad kerana hibah tersebut berkait dengan hak orang lain selain anak yang menerima hibah. Penarikan balik hibah tersebut akan mendatangkan kemudaratan ke atas orang lain dan ia dilarang dalam Islam (Ibn Qudamah t.t) sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عن عبادة بن صامت أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال لا ضرر ولا ضرار (رواه الحاكم)

Terjemahan: “*Tidak boleh mudarat dan memudaratkan.*”

(Al-Hakim 1990, 2:66)

Namun Imam Ahmad dalam riwayat lain berpendapat bahawa dalam situasi tersebut bapa diharuskan menarik balik hibahnya berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

عَنْ يَزِيدَ وَمُحَمَّدِ بْنِ جَعْفَرٍ عَنْ حَسَنِ الْمَعْلَمِ عَنْ عَطَا وَسَعْنِ بْنِ عَمْرٍوَابْنِ عَبَّاسٍ هَلَايَجِلُّلِرَّحْلًا نِيُعْطِيَا الْعَطِيَّةَ ثُمَّ يَرْتَجِعُ فِيهَا إِلَّا الْوَالِدُ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ.

(رواه البخاري ومسلم وأبو داود والترمذي)

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang memberi sesuatu pemberian kemudian dia menarik balik pemberian tersebut kecuali apa yang diberi oleh bapa kepada anaknya.

(Al-Qazwini t.th, 2:295)

iv) Tidak berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan atau dipisahkan pada barang yang dihibah seperti lemak atau gemuk. Ia merupakan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad yang tidak mengharuskan bapa menarik balik hibah daripada anaknya yang telah berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan. Menurut mazhab Maliki pertambahan atau pengurangan yang berlaku ke atas barang yang dihibahkan kepada anak dihalang daripada ditarik balik oleh bapa (Al-Zuhayli 1989). Namun terdapat riwayat lain daripada beliau dan juga pendapat mazhab Syafi'i yang mengharuskan bapa menarik balik hibah jika berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan daripada barang yang dihibah. Begitu juga pertambahan yang boleh diasingkan atau dipisahkan daripada barang yang dihibah seperti buah-buahan dari kebun yang telah dihibah, bapa diharuskan menarik balik hibahnya menurut mazhab Syafi'i (Al-Damiri 2004). v) Tidak bertujuan untuk mendapat balasan atau ganjaran di akhirat atau untuk mengeratkan hubungan silatur rahim dan kasih sayang antara mereka menurut pendapat mazhab Maliki.

KESIMPULAN

Kesimpulannya perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa Imam al-Syafi'i dalam karyanya *al-umm* dan pandangan para fuqaha mazhab yang dikemukakan adalah merupakan sumbangan pemikiran yang cukup besar terhadap pengurusan harta umat Islam, antaranya menerusi perbincangan berkaitan hibah. Sumbangan pemikiran dan kontribusi ini adalah sangat penting bagi perkembangan dan pertumbuhan pengurusan harta dalam Islam, utamanya jika dikaitkan dengan implementasinya di Malaysia. Realiti pelaksanaan Hibah di Malaysia mendapat sambutan dan berkembang pesat. Ini dibuktikan dengan kewujudan syarikat-syarikat komersial yang menawarkan khidmat penulisan, penyediaan dan penyelesaian masalah Hibah dalam kuantiti yang hampir menyeluruh di setiap negeri. Setelah memahami konsep dan prinsip Hibah yang sebenar, sepertimana yang dikemukakan oleh imam al-Syafi'i dan fuqaha mazhab maka kita seharusnya melaksanakan pengurusan Hibah secara yang hakiki. Namun, dalam aspek hukum yang bersifat *ijtihadi* dan terdapat perkara *khilafiah*, kita harus menanganinya dengan sistematik dan konsisten. Aspek teknikal dan perundangan harus diperkemas dan diseragamkan agar kekeliruan dapat dielakkan. Aspek dokumentasi merupakan perkara terpenting dalam mengelakkan pertikaian instrumen selepas kematian penghibah. Mekanisme penyediaan borang sebagai salah satu elemen dokumentasi Hibah perlu diperbaiki dan dimantapkan daripada segi format, kandungan dan prosedur pengesahannya.

RUJUKAN

- Abd al-Mu'ti, Faruq. 1992. 'A'lam al-Fuqaha wa al-Muhaddithin al-Imam al-Syafi'i. *Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah*.
- Abdul Karim, M.Ag. 2012. Pola Pemikiran Imam Syafi'i dalam Menetapkan Hukum Islam. *Jurnal Adabiyah, Vol XIII (2) (2013)*.
- Abd al-Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti (t.t.), *al-Radd 'ala man Akhlada ila al-Ard wa jahila an al-Ijtihad*. (t.t.p.): Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Ali Haydar. tt. *Durar Al-Hukkam Sharh Majallah Al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Baihaqi. t.t. *Manaqib al-Syafi'i*. tahqiq Ahmad Saqar, al-Qahirah: Dar al-Turath.
- Al-Daqr, 'Abd al-Ghani. 2005. *Al-Imam al-Syafi'i Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Esler, Anthony. 1992. *The Human Venture; A word History*. Prentice Hall, New Jersey (Edisi ke 3).
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din, *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab* Jeddah: Maktabah al-Irsyad. Juz, 1.
- Al-Syafi'i, Muhammad Bin Idris. 2001. *Al-Umm*. Mansurah: Dar al-Wafa'. Juz. 5&8.
- Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Muhammad. (2006), *Mughni al-Muhtaj 'ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. J. 1. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Asyqar, Muhammad Sulayman 'Abd Allah. 1419H/1998M. *Al-Mujalla*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 2.
- Al-Qaylubi, Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan 'Umayrah, Shihab al-Din Ahmad al-Barlisi, *Hashiyatan Qalyubi wa 'Umayrah*. Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 1409H/1989M. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 3.
- Alias Bin Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor (2014). Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, Volume 3 2014 (115-128).
- Hasan Muhammad Buda. 2004. *Mawani' al-Ruju' fi al-Hibah fi al-Fiqh al-Islamiy wa al-Qanun al-Wad'i*. Iskandariyyah: Dar al-Jami'ah al-Jadidah li al-Nasyr.
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jld. 5.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Juz. 6.

Mohd Zamro Muda. 2009. Instrumen Hibah: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia. *Jurnal Muamalat*, Bil. 2/2009

Noor Lizza Binti Mohamed Said, Mohd Ridzuan Bin Awang & Amir Husin Bin Mohd Nor. 2010 *Qabd Dan Hukum Penarikan Balik Hibah. Jurnal Muamalat*, Bil. 3.